

PNB

KENYATAAN MEDIA

31 Ogos 2025

Memetik:

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

PETIKAN

Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyambut baik serta menghargai nasihat dan panduan yang disuarakan oleh YAB Perdana Menteri berkenaan dengan isu semakan pilihan strategik pelaburan PNB dalam Prolintas.

Prinsip panduan YAB Perdana Menteri akan dipatuhi dalam proses PNB memuktamadkan penilaian semakan strategik berkaitan pelaburan dalam Prolintas. Panduan ini adalah konsisten dengan rangka kerja pelaburan PNB yang sentiasa diguna pakai PNB yang mengutamakan kepentingan pemegang unit, rakyat serta agenda nasional dan Bumiputera, dan menjadi pertimbangan utama PNB dalam membuat sebarang penilaian pelaburan aset strategik selaras dengan mandat yang diberikan

PNB memberi komitmen tidak akan memilih opsyen pelupusan pemilikan sekiranya ia menjelaskan manfaat jangka panjang pemegang unit atau memberi kesan negatif kepada usaha PNB menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

PENUTUP

Terima kasih.